

# Sistem federalisme

BH 15/3/08 M/S10

## Pentadbiran Pusat, negeri perlu muafakat ba

Oleh Abdul Rahim Anuar

**A**PABILA Parti Islam SeMalaysia (Pas) menguasai Kelantan pada Pilihan Raya Umum 1990, ia membuka tirai wacana federalisme dalam politik negara, dengan usaha melaksanakan syariat Islam pada peringkat negeri menerusi Dasar Membangun Bersama Islam.

Memandangkan pada ketika itu hanya Kelantan dimiliki pembangkang, maka tidak berlaku polemik perdebatan yang berterusan dan serius mengenai hubungan Persekutuan dengan Negeri.

Bagaimanapun, pada Pilihan Raya Umum Ke-12 baru-baru ini, pembangkang yang meliputi Pas, DAP dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) meluaskan penguasaannya ke empat negeri di Pantai Barat iaitu Kedah, Pulau Pinang, Perak, dan Selangor.

Kerajaan Pas masih mempertahankan dan meneruskan pemerintahannya di Kelantan. Ini bermakna, sudah wujud Wilayah Koridor (Utara) Barisan Alternatif kerana sempadan geografi negeri yang bersambungan.

Penguasaan pakatan pembangkang terhadap lima negeri itu, membuka kembali perdebatan federalisme iaitu perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dan negeri. Perdebatan kali ini adalah serius kerana ia mempunyai implikasi ke atas dasar dan hala tuju pembangunan ekonomi dan pengurusan kewangan negeri bagi tempoh 2008-2013.

Tempoh itu pula merentasi Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010) dan sebahagiannya dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015).

Dalam pada itu, perselisihan perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dan negeri terbabit dari segi dasar dan hala tuju pembangunan ekonomi serta kewangan, boleh memberi kesan negatif ke atas kebajikan ekonomi penduduk di lima negeri itu, dengan penduduk seramai 21 juta orang atau kira-kira 45 peratus daripada penduduk negara ini.

Malah, perselisihan itu juga boleh membantut pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang, Perak dan Selangor iaitu negeri maju. Ketiga-tiga negeri itu adalah penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia, yang kini mencatat purata pertumbuhan ekonomi antara enam hingga 6.5 peratus.

Pada masa yang sama ketegangan itu juga boleh memundurkan lagi pembangunan ekonomi Kedah dan Kelantan, antara negeri miskin dan penduduknya pula majoriti Melayu.

Berdasarkan statistik Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Mida), nilai pelaburan dalam projek pembuatan yang diluluskan kerajaan pada 2007 ialah kira-kira RM60 bilion. Daripada jumlah itu, Kedah adalah penerima pelaburan terbanyak iaitu RM14 bilion, diikuti Selangor RM11 bilion.

Pulau Pinang dan Perak berada di tangga kelima dan kesembilan dengan kemasukan pelaburan di negeri itu masing-masing sebanyak RM5 bilion dan RM2 bilion.

Apabila digabungkan nilai pelaburan di empat negeri itu, ia menyumbang sebanyak RM32 bilion iaitu kira-kira 53 peratus daripada keseluruhan pelaburan di antara negeri-negeri di negara ini. Oleh itu, penguasaan negeri terbabit oleh pakatan pembangkang, sudah pasti menimbulkan sentimen dan persepsi negatif ke atas hala tuju ekonomi negeri, polisi pelaburan dan kerjasama antara Kerajaan Pusat dan negeri.

Keutamaan rakyat dan kemajuan negeri patut dijadikan keutamaan walaupun wujud perbezaan pendekatan dalam dasar dan strategi pembangunan antara Kerajaan Persekutuan dan negeri. Ini bererti pemuafakatan antara dua peringkat kerajaan itu adalah kritikal bagi membentuk strategi pembangunan yang terbaik, sekali gus menghasilkan situasi 'sama-sama menang' untuk semua pihak, manakala janji manifesto pembangkang dan Barisan Nasional (BN) dapat dipenuhi.

Perdebatan federalisme berkait secara langsung dengan Perlembagaan Persekutuan. Perlembagaan menentukan agihan kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan negeri dari segi pembahagian kuasa perundangan, kuasa pemerintah, beban kewangan dan urusan tanah.

Konsep federalisme bukan hanya terhad kepada pembahagian kuasa, tetapi membabitkan semangat kerjasama dan kesepakatan antara dua peringkat kerajaan. Bagaimanapun, semangat federalisme itu tidak seperti yang diimpikan dari segi praktisnya lebih-lebih lagi jika negeri itu dikuasai pakatan pembangkang.

Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa

# utama hak rakyat

## agi pastikan kesinambungan pembangunan

lebih besar daripada kerajaan negeri seperti diperuntukkan dan termaktub dalam Perlembagaan. Selain itu, pergantungan kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan adalah tinggi dari sudut kewangan dan pembiayaan pembangunan.

Malah, wujud ruang kepada Kerajaan Persekutuan untuk meluaskan kuasa perundanganannya melalui peruntukan Perkara 76 dan 76(A) iaitu kuasa Parlimen membuat undang-undang untuk negeri dalam hal tertentu serta memperluaskan kuasa perundangan bagi negeri.

Wujud juga dasar penyelarasan dan pentadbiran yang menghalang kerajaan negeri daripada membuat keputusan yang bebas tanpa tekanan dan campur tangan Persekutuan.

Ini jelas dengan kes kerajaan Pas Kelantan yang ingin melaksanakan syariat Islam meliputi hukuman hudud dan qisas. Pada 1993, kerajaan Pas Kelantan meluluskan Enakmen Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah (II) pada peringkat Dewan Undangan Negeri Kelantan.

Bagaimanapun, Enakmen itu ditolak oleh Kerajaan Persekutuan kerana bertentangan dengan peruntukan agihan kuasa antara Pusat dan negeri seperti disenaraikan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Dalam konteks negeri Pulau Pinang pula, baru-baru ini Ketua Menteriinya, Lim Guan Eng yang baru dilantik ingin melaksanakan dasar pembangunan yang memberi keutamaan kepada semua etnik. Ini bererti kerajaan DAP Pulau Pinang tidak akan mengamalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Bagaimanapun, atas kuasa yang ada pada Kerajaan Persekutuan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi peringatan kepada Ketua Menteri Pulau Pinang yang baru itu supaya tidak membuat kenyataan yang bertentangan dengan dasar pembangunan Kerajaan Persekutuan.

Bagaimanapun, kerajaan negeri yang dikuasai pembangkang atau yang dikuasai BN di Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu, Perlis, Sabah dan Sarawak boleh melaksanakan dasar pembangunan masing-masing mengikut kuasa yang disenaraikan dalam Jadual Kesembilan (Senarai Perundangan, Perkara 74, 77, Senarai Negeri) dan selagi ia tidak menghalang atau menyentuh perjalanan kuasa pemerintah

Persekutuan.

Menyedari akan hakikat agihan kuasa pemerintahan, kerajaan Pas Kelantan mengambil dasar untuk tidak mengeluarkan atau memperbaharui lesen dan permit untuk premis judi apabila ia memerintah Kelantan pada 1991.

Peraturan itu yang di bawah kawal selia pihak berkuasa tempatan kekal sehingga pada hari ini dan diteruskan sehingga pilihan raya umum akan datang.

Kerajaan negeri sama ada yang diperintah oleh pakatan pembangkang atau BN tidak menafikan yang bantuan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan adalah perlu dan penting dalam menjaya dan menjana pembangunan ekonomi negeri masing-masing. Sumber hasil negeri sendiri adalah terhad dan menumpu pada hasil cukai daripada hutan, tanah dan air.

Oleh itu, sumbangan Kerajaan Persekutuan kepada hasil negeri adalah penting iaitu antara 30 hingga 40 peratus kepada keseluruhan hasil negeri.

Dalam suasana realiti politik baru dan era progresif di Malaysia, hubungan Kerajaan Persekutuan dengan negeri terutama negeri yang dikuasai pakatan pembangkang, bukan hanya dilihat dalam konteks pembahagian kuasa malah juga mengambil kira semangat kerjasama dan kesepakatan antara dua peringkat kerajaan demi kepentingan kebajikan rakyat serta pembangunan negara.

Di Amerika Syarikat yang juga mengamalkan sistem federalisme, kepentingan rakyat dan pembangunan ekonomi diberi keutamaan walaupun parti Republikan dan Demokrat berlain pandangan fahaman ekonomi politik.

Oleh itu, pemuafakatan tanpa prasangka antara Kerajaan Persekutuan dengan negeri akan menghasilkan strategi pengurusan pembangunan yang terbaik dan kecekapan dalam pengurusan sumber, akan meningkatkan kebajikan ekonomi rakyat menerusi kejayaan pelaksanaan projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia dan Pembangunan Koridor Wilayah.

**Penulis ialah Profesor Madya di Kolej Undang-Undang, Kerajaan, dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia**